

Raikan Bakatmu Sanjung Budimu



Labuan, 6 Disember – Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) telah mengadakan Majlis Raikan Bakatmu Sanjung Budimu bersama murid-murid, warga pendidik dan rakan strategik JPWPL di Desa Tunas, Kampung Sungai Lada petang tadi.

Majlis tersebut merupakan satu pentas untuk memberi penghargaan kepada murid, guru dan sekolah dalam bidang sukan, kokurikulum, hal ehwal murid, ko-akademik, kelab dan persatuan, kesenian, stem, badan beruniform, dan pusat kokurikulum.

Di samping memberi penghargaan kepada mereka yang telah membawa nama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan di peringkat kebangsaan mahupun peringkat Antarabangsa melalui pelbagai program dan pertandingan yang disertai.



Pengarah Pendidikan, Encik Yusup Haji Mohamad dalam ucapannya merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima anugerah pada hari ini.

Sepanjang tahun 2022, pelbagai program dan pertandingan telah dilaksanakan di peringkat negeri mahupun kebangsaan di bawah Sektor Pembangunan Murid (SPM), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) dan juga Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Program-program serta pertandingan yang dijalankan dilihat mampu meningkatkan lagi kemenjadian murid dari pelbagai aspek tidak hanya di dalam bilik darjah. Dari segi pencapaian, Labuan tidak terlepas dari menempah nama di kedudukan 5 teratas daripada 16 negeri yang terdapat di Malaysia dalam acara tertentu.

“Ini telah membuktikan murid-murid di Labuan mempunyai potensi untuk bersaing dengan murid-murid negeri lain di peringkat kebangsaan. Semoga prestasi cemerlang yang ditunjukkan akan memberikan impak signifikan ke arah

pencapaian yang lebih unggul.” katanya semasa menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut.



Majlis Raikan Bakatmu Sanjung Budimu telah disempurnakan oleh Encik Yusup Haji Mohamad, Turut hadir Encik Yahya Ahmad Puteh, Timbalan Pengarah (TP) Sektor Pembelajaran, Puan Kamariah Salim Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam menjalankan tugas TP Sektor Pembangunan Murid.

Yang Dipertua Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) Encik Ismail Abdullah, Yang Dipertua Majlis Guru Besar (MGB) Puan Dg Sarifah A.Mahmood, barisan pengurusan tertinggi jabatan, Pengetua, Guru Besar, Pegawai-pegawai jabatan, guru-guru, anggota kumpulan pelaksana dan murid-murid.

Dalam majlis tersebut turut disampaikan sumbangan Yayasan Tun Hussin Onn kepada guru-guru yang sedang menjalani rawatan kesihatan serta penyampaian sijil penghargaan kepada rakan strategik JPWPL.

